

Istana Negara Akan Disenaraikan Sebagai Tarikan Pelancong - Datuk Bandar KL Bernama
23 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Istana Negara di Jalan Duta di sini, akan disenaraikan sebagai destinasi tarikan pelancong terbaru bersama-sama Taman Warisan Tun Abul Razak dan Taman Botani Perdana, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Ahmad Fuad Ismail.

Majlis memperkenalkan tiga produk baru itu akan dibuat tidak lama lagi, katanya ketika berucap melancarkan Kuala Lumpur CityWalk, di sin.

Lebih dikenali KL CityWalk, lokasi membeli-belah bagi pejalan kaki yang terletak di persimpangan Jalan P. Ramlee dan Jalan Pinang berhampiran Menara Kembar Petronas itu, merupakan kawasan tarikan pelancong terbaru di ibu negara.

"Terletak di tengah-tengah pusat bandar dan dikelilingi hotel, bangunan pejabat serta pusat hiburan, KL CityWalk menawarkan pengalaman membeli-belah, menikmati makanan dan persembahan kebudayaan di kawasan terbuka," katanya.

Bagi memastikan jaminan keselamatan, kawasan itu dilengkapi 95 kamera litar tertutup dan kawalan keselamatan 24 jam, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636229>